



# Bersama berdoa pulih keamanan di Palestin

**M**INGGU ini akhbar-akhbar di United Kingdom (UK) kebanyakannya melaporkan mengenai serangan Israel di Palestin sejak beberapa hari lalu. Kebanyakannya melaporkan dalam bentuk berita dan rencana serta gambar suasana kejadian di Palestin yang menyentuh hati.

Akhbar *The Guardian* misalnya memaparkan 22 keping gambar khusus 'menceritakan' keperitan serangan udara Israel itu kepada penduduk Palestin merangkumi pengeboman, kecederaan kanak-kanak, mayat bergelimpangan dan bangunan dan kediaman runtuh yang dilakukan semata-mata untuk membantutkan pergerakan Hamas.

*The Times* pula menyiarkan 15 gambar khas mengenai penderitaan penduduk Palestin. Seperti yang kita ketahui, sejak beberapa hari ini Israel rancak melancarkan bom menyerang membinasakan Gaza. Serangan ini membunuh lebih 300 warga Palestin termasuk orang awam seperti wanita dan kanak-kanak.

Sungguhpun Israel menyatakan yang terbunuh adalah 'pengganas' Hamas, pastinya bom dari udara itu tidak mampu memilih mangsanya, sama ada tentera, polis atau rakyat biasa. Di bawah peruntukan undang-undang antarabangsa, pegawai polis adalah juga orang awam dan membunuh mereka juga dikira sebagai jenayah perang seperti membunuh orang awam yang tidak bersalah.

Jika mengulas mengenai undang-undang, mereka selalu nampak gah, tetapi dalam hal ini di manakah undang-undang dan hak asasi manusia yang sering mereka suarakan?

Berita pergelutan di Gaza ini juga menjadi antara lima berita *on-line* dengan catatan hit tertinggi akhbar *The Guardian* versi *on-line*. Selain itu, versi *on-line* akhbar ini menyiarkan pandangan pembaca mengenai setiap berita atau rencana.

Ada artikel yang mendapat respons sehingga mencecah 444 komen pembaca sehingga artikel ini ditulis. Komen itu ada yang menyokong Israel, tidak kurang juga yang bersimpati dan menyokong rakyat Palestin yang menjadi mangsa kejayaan. Dalam pada itu, 118 respon dipadam oleh pihak moderator akhbar.

Tidak dapat dijelaskan alasan sebenar kepada tindakan ini. Barangkali komen itu mempunyai kata-kata kesat atau mungkin juga mempunyai unsur mengutuk Kerajaan Britain sendiri. Alasan ini munasabah memandangkan akhbar Britain tidak sebebaskan akhbar di Amerika Syarikat yang lebih terbuka dengan kritikan media masa kepada pucuk pimpinan negara.

Laporan utama akhbar *The Times* pula menyebut Israel berjanji untuk melenyapkan Hamas daripada terusi berkuasa dan akan terus membinasakan semua bangunan yang membabitkan operasi pergerakan Islam itu. Serangan pada 29 Disember membabitkan bangunan universiti, Kementerian Dalam Negeri dan pejabat pemimpin Hamas.

Kematian rakyat Palestin mencecah 345 orang, dengan lebih 1,500 cedera dalam tempoh tiga hari serangan. Serangan balas roket di pihak Palestin pula hanya membabitkan kematian empat penduduk Israel.

Laporan *Daily Telegraph* pula lebih cenderung menyalahkan Hamas yang dikatakan sebagai tidak memberi jalan untuk keamanan di Palestin. Hamas dikatakan tidak membawa Gaza ke arah keamanan jika mereka tidak mahu membahagikan tanah Palestin kepada kedua-dua pihak iaitu Palestin dan Israel. Di Barat, tidak hairanlah untuk kita membaca laporan sebegini memandangkan pendirian kerajaannya yang tidak mengecam malah menyokong tindakan Israel.

Akhbar *The Guardian* pula terus melaporkan kezaliman yang berlaku ini sebagai berita utamanya pada 30 Disember 2008. Namun laporannya nyata berpihak kepada Israel, menyalahkan Hamas yang perlu berhenti menyerang Israel melalui roket.

Lebih menyedihkan, Perdana Menteri Israel, Ehud Olmert dilaporkan menyatakan hasratnya kepada Presiden Shimon Peres bahawa serangan yang dibuat hanyalah 'beberapa' daripada siri serangan yang dipersetujui. Nampaknya, akan ada lagi dan lagi siri serangan yang tidak diketahui bakal membunuh orang awam yang tidak berdosa.

Dalam melapor hal ini, akhbar di Britain nampaknya terperangkap antara simpati melihat kekejaman di Gaza tetapi pada masa sama, perlu berpendirian selari dengan kerajaan. Gambar yang disiarkan banyak menunjukkan mesej simpati kepada rakyat Palestin, tetapi ulasan dan berita pula cenderung menyalahkan Hamas.

Mungkin benar dari satu aspek pertelingkahan ini perlu dihentikan demi kebaikan semua pihak, tetapi jika tanah kita sendiri direbut dan dibedil setiap waktu, bagaimana pula agaknya reaksi kita? Mungkinkah kita akan mendiadakan diri? Atau mungkinkah kita akan bertindak seperti Hamas? Atau mungkin lebih daripada itu?

Kita tidak tahu kerana kita tidak merasai apa yang mereka sedang lalui. Namun kali ini akhbar di Britain melaporkan, hanya beberapa negara Arab menunjukkan kemarahan dan tidak puas hati dengan tindakan Israel berbanding kerajaan negara lain yang agak mendiadakan diri dibandingkan dengan serangan yang lalu.

Tidak dapat disahkan sejauh mana sebenarnya kenyataan ini, namun yang nyata negara-negara Islam lain perlu bangun membantu, jika tidak ke arah keamanan yang hakiki, bantulah setakat terdaya misalnya dari segi material dan khidmat seperti khidmat perubatan yang amat kritikal ketika ini.

Serangan demi serangan Israel lebih rancak sejak 2006 selepas Hamas memenangi pilihan raya Palestin pada tahun itu dan ketika ini semua hospital penuh dengan mangsa yang cedera, hinggakan kesuntukan sumber dan tenaga untuk memberi rawatan yang terbaik.

Jumlah yang cedera dan terkorban dalam siri serangan kali ini nampaknya lebih besar berbanding serangan sebelum ini. Sebagai umat Islam pastinya kita tidak mahu melihat saudara kita hidup dalam kesengsaraan, sentiasa dalam ketakutan memikirkan adakah mereka dapat terus hidup untuk detik berikutnya.

Anak-anak kecil bukan hanya menangis kehilangan ibu bapa dan tempat berteduh, malah nyawa mereka sendiri berada di hujung tanduk. Beratur berjam-jam hanya untuk mendapatkan sebuku roti mungkin sudah cukup menyedihkan buat kita, tetapi pada mereka, adakah mereka dapat hidup ketika beratur untuk mendapatkan makanan. Dapat makan roti itu adalah persoalan lebih realistik di depan mata.

Kebangkitan semua pihak membantu mereka amat perlu supaya rakyat Palestin tidak terus ditindas. Sekurang-kurangnya, di pihak diri kita sendiri, paling tidak kita doakanlah agar bumi Palestin dikurniakan keamanan dan dapat mereka hidup selesa seperti umat Islam di negara lain di seluruh dunia.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom